

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 3/1988

RAMPASAN TANAH KERANA GAGAL MEMBAYAR HASIL

Arahan ini dikeluarkan untuk menasihat Pentadbir-Pentadbir Tanah tentang tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum sesuatu tanah itu diperintah rampas di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara kerana tidak membayar hasil tanah. Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang berkaitan dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil hendaklah diikuti dengan sepenuhnya kerana kegagalan berbuat demikian akan menimbulkan masalah-masalah kepada Pihak Berkuasa Negeri sekiranya rayuan atau tuntutan dibuat kepada Mahkamah berikut dengan perampasan itu.

2. Terdapat di masa-masa yang lepas kes di mana tuntuatan telah dibuat kepada Mahkamah oleh Pihak Bank yang memegang gadaian ke atas tanah yang telah dirampas itu dengan alasan bahawa pihaknya tidak menerima salinan notis tuntutan dalam Borang 6A dan tidak ada catitan mengenai penyampaian Borang 6A dibuat di dalam daftar hakmilik semasa carian rasmi dijalankan .
3. Seksyen 97 Kanun Tanah Negara memperuntukan bahawa apabila hasil tanah menjadi ter hutang, notis tuntutan dalam Borang 6A hendaklah dihantar kepada semua tuan-tuan tanah yang berdaftar. Salinan Borang 6A itu hendaklah juga disampaikan kepada semua pihak yang ada kepentingan ke atas tanah tersebut seperti pemajak, pemegang gadai, pemegang lien, tenansi, pengkaveat, pemegang amanah, Pentadbir Pesaka, pemegang surat kuasa dan lain-lain orang yang ada kepentingan berdaftar ke atas tanah tersebut. Suatu catitan hendaklah dibuat dalam daftar hakmilik tanah berkenaan di atas penyampaian notis tuntutan Borang 6A bagaimana dikehendaki oleh Seksyen 97(2) Kanun Tanah Negara. Bagi tanah di bawah hakmilik Pendaftar, Pentadbir Tanah hendaklah menghantar pernyataan penyampaian Borang 6A kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk dibuat catitan yang sama.

4. Untuk menjamin bahawa setiap tindakan yang perlu diambil itu telah diikuti dengan cermat dan teliti serta menurut peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan Pekeliling-Pekeliling yang berkaitan, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah berpandu kepada keterangan-keterangan bagaimana di Lampiran 'X' kepada Arahan ini sebelum membuat keputusan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara, iaitu memerintah tanah tersebut dirampas menjadi milik Kerajaan. Lampiran 'X' itu bertujuan untuk membolehkan Pentadbir Tanah menyemak dan berpuas hati sendiri bahawa tidak ada sebarang tindakan yang ketinggalan diambil bagi membantu dalam mencapai sesuatu keputusan yang sewajarnya. Apabila Pentadbir Tanah berpuas hati dan memerintahkan tanah itu dirampas, bentuk perintahan yang dikehendaki mengikut Seksyen 100 Kanun Tanah Negara adalah bagaimana di Lampiran B. Bagi tanah-tanah yang di bawah hakmilik Pendaftar, Lampiran 'X' hendaklah dihantar untuk mendapat pengesahan Pengarah Tanah dan Galian.
5. Suatu daftar tanah-tanah yang dirampas dan kembali menjadi milik Kerajaan kerana tidak bayar hasil tanah hendaklah diwujudkan. Daftar ini disamping untuk menyimpan maklumat juga bertujuan untuk membantu Pejabat-Pejabat Tanah agar tindakan-tindakan susulan tidak ketinggalan diambil. Contoh format untuk daftar yang perlu diwujudkan itu adalah bagaimana di Lampiran C. Adalah diharap semua Pentadbir Tanah mengadakan segera daftar ini dan mengemaskinkannya dengan maklumat-maklumat bagi tahun-tahun yang lepas.
6. Pekeliling dan Arahan yang ada kaitan yang boleh dirujuk untuk panduan dan pengetahuan lanjut ialah Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil.3/77, Arahan P.T.G. Kelantan Bil.4/83, Pekeliling KPTG Persekutuan Bil.7/1977 dan Bil.22/1977.

t.t
(HJ.ISMAIL HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA DARULNAIM,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH: **21HB. SEPTEMBER, 1988**

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

SALINAN KEPADA :-

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan

LAMPIRAN ‘A’

PENYAMPAIAN BORANG 6A

JAJAHAN :

NO.HAKMILIK:

NO.LOT :

MUKIM :

DAERAH

BIL. (1)	NAMA (2)	ALAMAT (3)	BORANG			KENYATAAN (7)
			TARIKH HANTAR	TARIKH TERIMA	BUKTI PENYAMPAIAN	
	A. <u>TUAN-TUAN TANAH BERDAFTAR</u>					
	B. <u>PIHAK-PIHAK YANG ADA KEPENTINGAN</u>					

()

KETUA KERANI HASIL

Tarikh :

LAMPIRAN ‘B’

KANUN TANAH NEGARA 1960

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

Bahawasanya notis tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserah kepada tuan-tuan punya tanah yang berdaftar dan mereka yang ada kepentingan berdaftar bagi hakmilik yang dinyatakan dalam Jadual di bawah pada Tahun 19..... dan juga catitan mengenai penyerahannya telah ditulis dalam daftar hakmilik mengikut Perserahan No. pada..... 19.....

Bahawasanya tuan punya tanah telah gagal membayar jumlah yang dituntut sebanyak (\$) seperti yang dinyatakan dala notis Borang 6A pada atau sebelum 19

Oleh itu menurut kuasa di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara saya membuat perintahan mengisyiharkan bahawa tanah tersebut dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada: haribulan 19

.....
Pentadbir Tanah Jajahan

Bertarikh :

JADUAL

JAJAHAN	DAERAH	BANDAR/ MUKIM	NO. MILIK	NO. LOT	KELUASAN

LAMPIRAN ‘C’

DAFTAR

**TANAH-TANAH YANG DIKEMBALI MENJADI TANAH KERAJAAN
KERANA TIDAK BAYAR HASIL**

BIL.	MUKIM & DAERAH	NO. HAKMILIK	NO.LOT	LUAS	JENIS KEGUNAAN	JUMLAH HASIL TERHUTANG (BORANG 6A)	PEMILIK BERDAFTAR	PIHAK-PIHAK YANG ADA KEPENTINGAN	CATATAN DALAM RDT		NO. WARTA & TARikh	FAIL RUJUKAN
									RUJUKAN	TARIKH		

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN , KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU,

BERTARIKH : 21HB. SEPTEMBER 1983

LAMPIRAN ‘X’

**TINDAKAN ATAS TUNTUTAN BORANG 6A
YANG TIDAK DIJELAS BAYARAN**

1. No. Hakmilik :
2. No. Lot :
3. Jajahan :
Mukim : Daerah :
4. Keluasan :
5. Jenis Kegunaan :
6. Cukai Tanah Tahunan :
7. Jumlah Cukai Terhutang :
(Mengikut Borang 6A)
8. Borang 6A telah dihantar kepada :
 - a) Semua tuan-tuan tanah berdaftar/Pemegang Pajakan/PA/Pendaftar Pesaka/Pemegang Amanah.
.....
 - b) Pemegang Gadai/Lien/Pengkaveat/
.....

Keterangan lanjut penghantaran Borang 6A dan bukti penyampaian adalah bagaimana di Lampiran ‘A’.

Tarikh :
(.....)
KETUA KERANI HASIL

ARAHAN PENTADBIR TANAH JAJAHAN

1. Sedia perintahan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara
2.
.....
.....

Tarikh :
(.....)
PENTADBIR TANAH